

Seramai 8,556 mangsa berada di pusat pemindahan

Banjir di Sarawak semakin serius

Oleh ANGELINA SINYANG

pengarang@utusan.com.my

■ KUCHING 20 JAN.

KEADAAN banjir di Sarawak semakin buruk apabila jumlah penduduk yang menjadi mangsa meningkat mendadak hari ini.

Setakat pukul 6 petang ini, seramai 26,411 orang daripada 5,074 keluarga dilaporkan menjadi mangsa iaitu meningkat lebih lima kali ganda berbanding hanya 5,178 orang semalam.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata, sehingga kini, terdapat 137 kawasan iaitu 47 di Kuching, diikuti 32 di Limbang, Miri (31), Samarahan (15) dan Mukah (10) terjejas akibat banjir.

Beliau berkata, seramai 8,556 mangsa daripada 2,127 keluarga terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan atas faktor keselamatan, manakala baki 17,855 mangsa daripada 2,947 keluarga dibenarkan terus tinggal di rumah masing-masing memandangkan paras air di kawasan kediaman yang masih terkawal.

"Mangsa paling tinggi dicatatkan di Kuching iaitu 10,170 orang membabitkan 2,188 keluarga, diikuti 6,910 mangsa daripada 1,180 keluarga di Limbang, 6,690 mangsa daripada 1,088 keluarga di Miri, 2,126 mangsa daripada 518 keluarga di Samarahan dan 515 mangsa daripada 130 keluarga di Mukah.

"Sebanyak 70 pusat pemindahan dibuka tetapi hanya 45 buah yang masih beroperasi selepas empat pusat ditutup hari ini," katanya dalam sidang akhbar selepas mendengar taklimat banjir di Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara (MKN) di Wisma Bapa Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Men-



ANGGOTA Bomba dan Penyelamat memindahkan pesakit dari pusat penempatan sementara Balai Raya Kampung Selampit untuk ke hospital bersama dua kakitangan Kesihatan Lundu, Kuching, Sarawak, semalam.
- IHSAN BOMBA DAN PENYELAMAT

Bencana Banjir



teri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim. Mengulas lanjut, Alfred Jabu berkata, situasi banjir yang semakin serius di negeri ini menyebabkan pasukan penyelamat memerlukan tambahan lebih 2,000 unit jaket keselamatan untuk digunakan dalam operasi menyelamat.

Shahidan pula memberitahu, kerajaan Persekutuan akan berusaha menghulurkan bantuan dan sumbangan yang diperlukan oleh mangsa banjir di negeri itu.

Sementara itu, Jabatan Pendidikan negeri dalam kenyataan memberitahu, jumlah sekolah yang ditutup akibat banjir berkurangan kepada 32 buah berbanding 36 sekolah semalam.



Sehingga kini, terdapat 137 kawasan iaitu 47 di Kuching, diikuti 32 di Limbang, Miri (31), Samarahan (15) dan Mukah (10) terjejas akibat banjir."

ALFRED JABU NUMPANG
Timbalan Ketua Menteri Sarawak

Katanya, penutupan sekolah berkenaan menjejaskan sesi persekolahan bagi 15,525 murid.

Dalam pada itu, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pamban-

gunan Keluarga negeri, Datuk Fatimah Abdullah berkata, jumlah mangsa banjir yang semakin meningkat menyebabkan pihaknya terpaksa menambah jumlah peruntukan bagi membeli lebih banyak barangan keperluan untuk diagihkan kepada penduduk.

"Kita telah menambah wang peruntukan untuk membeli barangan keperluan kepada mangsa banjir seperti makanan, selimut, tikar dan pemidang.

"Barangan keperluan ini amat diperlukan dan kita berharap pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta agensi swasta dapat menghulurkan sumbangan untuk membantu kerajaan meringankan beban mangsa," katanya semasa melawat pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan St. Peter Simpok, Jalan Padawan di sini hari ini.